

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam **1200, 6 Disember 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK BUMIPUTERA 2022

Penerbitan Statistik Bumiputera 2022 menyediakan pelbagai maklumat dalam bidang sosial dan ekonomi, jumlah penduduk Bumiputera dianggarkan seramai 21.13 juta pada 2022

PUTRAJAYA, 6 DISEMBER 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat julung kalinya menerbitkan **Statistik Bumiputera 2022**. Penerbitan ini memaparkan statistik berkaitan Bumiputera di peringkat nasional dan negeri bagi tahun 2017 hingga 2022.

Penerbitan ini merangkumi statistik dalam bidang sosial dan ekonomi antaranya penduduk, guna tenaga, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, kesihatan, pelancongan, profesion berdaftar dan harta tanah. Sumber data bagi penerbitan ini diperolehi daripada pelbagai Kementerian dan agensi di samping data yang diterbitkan oleh DOSM.

Antara sorotan perangkaan utama adalah jumlah penduduk Bumiputera pada tahun 2022 dianggarkan seramai 21.13 juta orang (Lelaki: 10.69 juta; Perempuan: 10.44 juta) dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.1 peratus (2020: 20.90 juta orang). Nisbah jantina Bumiputera adalah 102 lelaki berbanding 100 perempuan.

Dari segi **perangkaan demografi**, bilangan kelahiran hidup bagi Bumiputera pada 2021 adalah 357,140 dengan jangkaan hayat bagi Bumiputera ketika lahir adalah 70.5 tahun bagi lelaki dan 74.7 tahun bagi perempuan. Sementara itu, kadar kesuburan jumlah bagi seorang wanita Bumiputera pada 2021 adalah 2.1 (2020: 2.2). Selanjutnya, bilangan kematian bagi Bumiputera yang dicatatkan pada tahun 2021 adalah 138,868 kematian. Tiga sebab utama kematian Bumiputera yang disahkan

secara perubatan pada 2021 adalah *COVID-19 Infection (due to)* (17,654 kematian), *Ishaemic Heart Diseases* (13,563 kematian) dan *Pneumonia* (10,914 kematian).

Penemuan berkaitan **tenaga buruh** pada 2021 menunjukkan seramai 9.26 juta tenaga buruh adalah Bumiputera (Lelaki: 5.58 juta; Perempuan: 3.68 juta). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi Bumiputera meningkat kepada 65.8 peratus berbanding tahun 2020 (64.9%). Dari segi jantina, KPTB bagi lelaki dan perempuan Bumiputera masing-masing adalah 78.9 peratus dan 52.6 peratus. Berdasarkan pencapaian pendidikan, sumbangan tenaga buruh Bumiputera yang berpendidikan peringkat menengah dan ke bawah adalah 64.8 peratus. Sementara itu, 35.2 peratus tenaga buruh Bumiputera berpendidikan tertiar. Selanjutnya, kadar pengangguran dikalangan Bumiputera adalah 5.0 peratus (2020:4.5%).

Bagi **penyertaan dalam profesional terpilih**, Bumiputera menyumbang 92.7 peratus dan 84.7 peratus daripada jumlah penolong pegawai perubatan dan jururawat pada 2021. Sementara itu, Bumiputera menyumbang 63.7 peratus juruukur tanah, 61.9 peratus juruukur bahan, 53.4 peratus doktor gigi dan 53.1 peratus pereka dalaman. Walau bagaimanapun, Bumiputera mencatatkan penyertaan di bawah 50.0 peratus bagi arkitek (41.7%), peguam (38.5%) dan akauntan (31.4%).

Dari segi **statistik siswazah** pula, bilangan siswazah Bumiputera yang direkodkan pada 2021 adalah seramai 3.63 juta orang (Lelaki: 1.63 juta; Perempuan: 2.0 juta). KPTB siswazah Bumiputera lelaki pada 2021 menurun sedikit kepada 87.3 peratus berbanding 88.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, KPTB bagi siswazah perempuan meningkat kepada 81.9 peratus (2020: 81.0 %).

Berdasarkan **statistik pindahmilik harta tanah Bumiputera**, transaksi harta kediaman yang direkodkan adalah 106,276 dengan nilai transaksi sebanyak RM30.83 bilion (Jumlah nilai pindah milik harta kediaman: RM76.90 bilion). Sementara itu, pindahmilik harta tanah jenis komersil pula mencatatkan sebanyak 2,834 transaksi dengan nilai pindahmilik bernilai RM1.45 bilion (2020: RM1.16 bilion).

Dari segi **perspektif kebajikan**, bilangan Bumiputera yang berdaftar di Institusi Kebajikan Am bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 2021 adalah seramai 3,228 orang (2020: 2,948 orang). Daripada jumlah tersebut, 1,402 orang di Institusi Kanak-

Kanak, 495 orang di Institusi Orang Kurang Upaya dan 1,051 orang di Institusi Warga Emas dan Orang Papa.

Penerbitan Statistik Bumiputera 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia www.dosm.gov.my,

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust".

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

6 DISEMBER 2022